

Amanah Dalam Pekerjaan

Amanah adalah kepercayaan yang diletakkan oleh seseorang individu kepada pihak lain dalam memelihara atau menjaga akan sesuatu perkara tidak kira sama ada ia bersifat nyata atau tidak nyata.

Amanah yang dijunjung oleh manusia meliputi pertamanya amanah kepada Allah SWT. Ia termasuklah menunaikan segala kewajipan yang dituntut kepada-Nya, melaksanakan amal ibadah dengan ikhlas dan berterusan, dan menjaga keimanan supaya sentiasa subur.

Sebagai hamba Allah yang beriman, walau sibuk mana sekalipun kita bekerja, hak-hak kita terhadap Allah perlu dilunaskan, apatah lagi jika ia adalah membabitkan soal amal ibadah, keislaman dan keimanan kita.

Amanah dalam bekerja ialah :

* Menyedari hakikat bahawa tugas adalah amanah yang perlu dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

* Tiada penyelewengan dalam tugas sama ada dari segi masa, kuasa, sumber wang dan peralatan serta tenaga kerja.

Kita selalu dimaklumkan di media cetak dan media massa lain akan laporan kes-kes pecah amanah, penyalahgunaan wang organisasi, penindasan pekerja bawahan dan sebagainya yang dilakukan oleh sebilangan pekerja dalam pelbagai sektor pekerjaan di negara kita. Itu tidak termasuk perbuatan-perbuatan tidak amanah yang lain seperti **curi tulang dengan tidur atau keluar minum sesuka hati dalam waktu kerja, membuat kerja luar ketika sedang bekerja**, dan sebagainya. Tetapi sekiranya ada urusan yang penting tidak menjadi masalah umpamanya ke bank atau sakit dan sebagainya. Ini merupakan **amalan-amalan buruk semasa bekerja yang boleh mencacatkan kesempurnaan dan keberkatan bekerja**. Cuba fikirkan, apakah adil jika kita menerima upah atau gaji, tetapi kita tidak melaksanakan kerja kita dengan beretika, amanah dan sebaik-baiknya?

Kemudian **apakah berkat dan halal wang gaji** yang kita peroleh itu untuk kita gunakan bagi menyara kehidupan isteri dan anak-anak?

Sesungguhnya, pekerja yang amanah dan meletakkan syariat Islam sebagai pegangan semasa bekerja akan sentiasa dilindungi oleh Allah SWT.